

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PELANCARAN JUALAN KERETA NASIONAL DAN PEMBUKAAN
RASMI IBU PEJABAT EDARAN OTOMOBIL NASIONAL

TEMPAT: BATU TIGA, SHAH ALAM, SELANGOR

TARIKH: 01 SEP 1985

MASA:

Yang Berhormat Menteri-Menteri dan
Timbalan-Timbalan Menteri;
Dif-Dif Kehormat;
Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Edaran
Otomobil Nasional atau EON kerana menjemput saya untuk
melancarkan jualan Kereta Nasional dan membuka dengan
rasminya Ibu Pejabat EON ini.

2. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak PROTON dan EON
sempena dengan pelancaran jualan PROTON SAGA ini. Hari ini
ialah hari yang bersejarah bagi industri kereta khususnya
dan bagi industri berat negara ini amnya. Kalau selama ini
kita telah mendengar pembinaan kilang Kereta Nasional,
pembuatan Kereta Nasional, dan beberapa langkah
memperkenalkan PROTON SAGA kepada orang ramai, hari ini
rakyat Malaysia akan mula membeli dan memiliki kereta buatan
kita sendiri. Saya akui bahawa sebahagian besar daripada
Kereta Nasional ini masih dibuat di luar negeri. Tetapi
yang penting ialah titik permulaan telah dibuat dan
selangkah demi selangkah, dengan cermat kita akan capai
matlamat kita, Insyaa-Allah.

3. EON telah pun menubuhkan cawangan-cawangannya di
seluruh negara. Saya berharap EON akan dapat memenuhi semua
pesanan yang dibuat dengan cekapnya dan dengan secepat
mungkin. Satu perkara yang penting dan yang mesti dirancang
dengan teliti oleh pihak EON ialah perkhidmatan sokongan
atau 'back-up services'. EON hendaklah memastikan sebarang
keperluan alat-alat gantian Kereta Nasional ini mudah
diperolehi di mana-mana. Saya yakin EON telah pun membuat
kajiannya sendiri terutama ke atas operasi agensi-agensi
pasar kereta yang telah lama bertapak di negara ini.

4. Harga Kereta Nasional ini adalah sangat-sangat
berpatutan dan 'competitive'. Sebabnya bukanlah kerana
kualiti rendah tetapi kerana Kerajaan ingin melihat seberapa
ramai daripada rakyat Malaysia memiliki kereta buatan
Malaysia ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Satu unsur penting dalam strategi perindustrian negara

ialah penumpuan yang akan diberi kepada pembangunan industri berat. Bagi setengah-setengah orang, terutama bagi para pengkritik, industri berat bermakna HICOM dan beberapa industri yang sungguh besar. Yang sebenarnya industri berat mengikut tafsiran pembangunan negara kita termasuklah kilang-kilang simen, besi berongga, besi waja, loji ammonia-urea, kilang kertas dan palpa, kilang petrokimia, serta projek-projek tenaga. Bagi pengkritik HICOM, mereka terlajak dengan mengkritik industri berat keseluruhannya, tanpa menyedari banyak industri berat di negara ini telah lama wujud dan telah mencapai kejayaan. Masa akan membuktikan kejayaan HICOM dan Kereta Nasional ini. Janganlah kerana ingin membuktikan kebenaran kritikan mereka itu, para pengkritik sengaja berusaha menggagalkan projek-projek industri berat kita.

6. Faedah daripada pembangunan industri berat adalah banyak. Berbagai faedah sampingan dan rangkaian kepada ekonomi negara, atau 'linkages to domestic economy', akan kita perolehi. Pertamanya industri-industri berat akan dapat menggunakan lebih banyak sumber tempatan dalam pengeluaran mereka. Keduanya ialah penjimatan pertukaran asing. Sekiranya barang-barang yang menggunakan modal yang tinggi ini tidak dikeluarkan di negara kita, kita terpaksa mengimport dari luar negeri. Proses industrialisasi tidak akan lengkap sehingga kita berkeupayaan dalam industri berat. Memang menjadi amalan semua negara yang ingin menjadi negara perindustrian atau industrialised country, mengadakan industri berat untuk menjadi asas dan penggerak ke arah matlamat perkembangan industri.

7. Pemindahan teknologi telah selalu saya perkatakan. Pemindahan teknologi bagi sektor ini adalah sangat luas, dan ianya adalah salah satu faedah yang besar dalam industri berat. Di samping itu, industri-industri berat, terutamanya industri besi dan kejuruteraan, juga akan menyediakan asas untuk memajukan teknologi tempatan atau 'home-grown technology'. HICOM, misalnya, bukan sahaja dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, tetapi juga merupakan tempat bagi para jurutera dan ahli-ahli teknikal kita menggunakan pengetahuan, mengasah kemahiran dan membuat eksperimen ke atas idea baru masing-masing. Bahkan saya yakin industri-industri berat merupakan satu tempat untuk mencungkil teknologi pembinaan dan kejuruteraan yang unggul. Penubuhan industri-industri berat akan memberikan cabaran yang sewajarnya kepada para jurutera, ahli-ahli sains dan juru teknologi negara kita. Lebih banyak industri seperti ini, maka lebih mencabarlah teknologi-teknologi ini kepada mereka. Namun demikian tidak akan berlaku pemindahan teknologi jika kita cuma menunggu teknologi datang bergolek kepada kita. Kita mesti mencari dan mengejar teknologi dengan penuh minat dan ketabahan hati di mana sahaja teknologi berada.

8. Industri berat memberi peluang juga kepada pengurus-pengurus dan pegawai-pegawai teknikal mengurus syarikat-syarikat perindustrian besar. Pada hari ini, lebih

ramai pegawai-pegawai teknikal yang berpeluang memegang jawatan pengurusan tinggi di syarikat-syarikat industri berat. Kemahiran pengurusan ini adalah penting bagi proses perindustrian negara kita, bahkan penting bagi pembangunan perindustrian di negara-negara lain. Ahli-ahli teknikal dan profesyenal mestilah mempunyai fikiran yang terbuka supaya mereka tidak dikongkong oleh pendapat mereka semata-mata dan tidak mengambil-kira pendapat orang lain.

9. Dari perspektif pengagihan kekayaan, industri berat tidak ditumpukan di negeri-negeri yang maju sahaja, tetapi sebaliknya ditempatkan juga di negeri-negeri yang kurang maju. Kilang-kilang simen, kertas dan palpa, besi waja, kompleks petro-kimia dan lain-lain didirikan di negeri-negeri yang kurang maju. Penempatan dan pertumbuhan setengah daripada industri-industri ini akan dapat membantu mengurangkan perbezaan pendapatan antara negeri-negeri di negara kita. Di samping itu baru-baru ini telah tersiar di akhbar-akhbar pendapat yang menyatakan proses industrialisasi akan menjejaskan prestasi pertanian di negara-negara membangun. Pendapat seperti ini yang selalunya tidak berasas dan sering pula salah, tidak perlu diberi layanan oleh orang-orang yang berfikiran waras. Perancang-perancang ekonomi negara bukanlah terdiri daripada orang-orang yang tidak berpengetahuan luas dan berpengalaman.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Kejayaan atau kegagalan sesuatu rancangan yang kita buat bergantung kepada diri kita sendiri. Demikian juga dengan rancangan industri berat dan Kereta Nasional ini. Jika kita hanya tumpukan kepada kelemahan-kelemahan kita dan kita melemahkan semangat dan kesanggupan untuk bekerja keras, sudah tentu kita akan gagal. Jika kita menerima pendapat pengkritik-pengkritik, hari ini bukan sahaja kita tidak akan melihat PROTON SAGA, tetapi mungkin juga kita tidak akan ada ladang getah, kelapa sawit atau koko atau perindustrian petroleum. Jika kita lihat laporan-laporan dalam akhbar-akhbar di masa dahulu, semua industri ini juga telah dikritik kerana kononnya tidak praktikal, merugikan dan sebagainya.

11. Kita akui bahawa kita tidak boleh mengikut kehendak hati. Tetapi, janganlah anggap semua yang kita rancang didorong oleh angan-angan Mat Jenin. Kita memasuki bidang pembuatan kereta setelah kajian mendalam dibuat, setelah segala perhitungan dikaji dan dikaji semula. Kita tidak berlari sebelum boleh berjalan. Kita mula dengan satu langkah yang kecil dan kita mengorak langkah demi langkah dengan berjaga-jaga. Namun demikian, mungkin juga kita akan membuat kesilapan pada satu hari. Dan mereka yang menjadi pengkritik profesyenal akan berkata, "Ah, lihat. Aku dah kata". Tetapi kita tidak boleh kecewa dan tidak boleh lemah semangat. Kita harus ingat bahawa tiada industri di mana-mana pun, yang tidak mengalami kesilapan.

12. Kita mengadakan Perusahaan Otomobil Nasional bukanlah untuk membuat kereta semata-mata. Di samping itu juga kita menegakkan maruah bangsa dan negara. Kereta Nasional bukan sahaja kereta yang bermutu. Ia melambangkan kita sebagai bangsa yang bermaruah, bangsa yang sanggup menghadapi cabaran, bangsa yang bila jatuh akan bangun semula, dan mengatasi sebarang rintangan dan akan berjaya. Kereta Nasional adalah satu lagi langkah ke arah menegak maruah bangsa. Langkahnya tidak besar tetapi besar ertinya. Semua yang diusahakan oleh manusia bermula dengan satu titik permulaan. Walaupun pada mulanya ia merupakan satu titik yang kecil tetapi potensinya untuk membesar tidaklah terhad.

13. Justeru itu janganlah diperkecilkan usaha ini. Janganlah dengan sengaja cuba menggagalkan Kereta Nasional ini. Sebaliknya, berbanggalah dengannya, berbanggalah dengan kebolehan kita, berbanggalah dengan permulaan yang telah kita terokai. Jika kita berjaya bukan sahaja kita akan dihormati tetapi kita juga akan memperolehi keuntungan daripadanya. Sebaliknya, jika kita gagal bukan sahaja kita akan rugi tetapi dunia akan ketawakan kita. Orang-orang Malaysia yang berusaha menggagalkan usaha kita ini juga akan diketawakan oleh dunia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak pengurusan dan pekerja-pekerja HICOM, PROTON dan EON. Mereka telah berusaha dengan gigih dan dedikasi untuk menjayakan projek ini. Hasil usaha merekalah yang kita saksikan hari ini, sebuah kereta yang bermutu tinggi yang setanding dengan lain-lain kereta. Tentu sekali semua kakitangan HICOM, PROTON dan EON berasa bangga dengan kejayaan mereka. Perasaan bangga atau 'pride' ini dengan sendirinya menjadi ganjaran kepada mereka. Pride tanpa angkuh - atau 'pride with humility' adalah sifat yang mulia dan perasaan ini harus dipupuk di kalangan semua pekerja. Gaji atau 'wages' daripada kerja memang penting tetapi jikalau kerja itu hina atau berbau jenayah, gaji yang tinggipun tidak menjadi mulia. Kerja-kerja yang dibuat oleh pekerja-pekerja industri ini dan industri-industri lain yang 'legitimate' adalah mulia walaupun tangan kita kotor sedikit. Kerja yang dibuat dengan cekap, yang menghasilkan barang yang bermutu tinggi adalah kerja yang amat mulia. Tidaklah salah jika pekerja berasa bangga dengan hasil kerjanya. Jika setiap barangan Malaysia bermutu tinggi, maka kita semua boleh berbangga dan sudah tentu negara akan maju dan rakyat lebih bahagia.

15. Saya menyeru semua pekerja HICOM, PROTON dan EON supaya mengekalkan sifat-sifat yang mulia ini dan terus bekerja untuk mengeluarkan dan memasarkan Kereta Nasional yang mutunya tidak dapat dipertikaikan oleh sesiapa.

16. Amatlah tepat kita melancarkan penjualan Kereta Nasional ini sejurus selepas kita merayakan Hari Kebangsaan. Semangat kebangsaan mestilah dicerminkan dalam kereta yang kita hasilkan. Saya yakin semua pihak yang terlibat sedar

akan hakikat ini.

17. Dengan ini saya dengan sukacitanya melancarkan penjualan Kereta Nasional dan merasmikan pembukaan Ibu Pejabat Edaran Otomobil Nasional.
Terima kasih.